**Apakah perbandingan di antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP)**

| Bil. | Perkara | RT | RA | JPP |
|---|---|---|---|---|
| 1. | **Garis Panduan** | Pekeliling Pentadbiran Rukun Tetangga Bil. 1 hingga 5 Tahun 2006 yang disediakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). | Undang-Undang Bagi Pertubuhan Yang Tidak Mempunyai Cawangan yang disediakan Jabatan Pendaftaran Perubuhan Malaysia (ROS). | Garis Panduan Penubuhan JPP Dalam Kawasan PBT disediakan oleh Kementeria Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). |
| 2. | **Peranan dan Fungsi Utama** | • Fokus kepada isu-isu keselamatan, perpaduan dan keharmonian antara kaum **dalam kawasan tertentu**.<br>• **Tidak mempunyai hubugan secara langsung dengan PBT.**<br>• **Dipantau oleh JPNIN** | • Fokus kepada isu-isu kebajikan dan keharmonian penduduk dalam **kawasan tertentu**.<br>• **Tidak mempunyai hubungan secara langsung dengan PBT.**<br>• **Tidak dipantau** oleh mana-mana agensi Kerajaan. | • Fokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan penyertaan masyaraka dalam urus tadbir PBT bagi meningkatkan kesejahteraan hidup di bandar.<br>• **Dipantau oleh PBT dan KPKT**. |
| 3. | **Kaedah Penubuhan dan Penetapan Kawasan** | • Penubuhan berdasarkan permohonan yang dikemukakan kepada JPNIN dan terhad kepada kawasan yang memohon. | • Penubuhan berdasarkan permohonan yang dikemukakan kepada ROS dan terhad kepada kawasan tertentu sahaja. | • Penubuhan JPP dibuat berdasarkan z zon yang ditetapkan dan **merangkum keseluruhan kawasan dalam zon di setiap PBT** |
| 4. | **Struktur Organisasi** | • Pengerusi.<br>• Timbalan Pengerusi.<br>• Setiausaha.<br>• Penolong Setiausaha.<br>• Bendahari.<br>• Ahli Jawatankuasa RT. | • Yang Dipertua.<br>• Timbalan Yang Dipertua.<br>• Setiausaha.<br>• Penolong Setiausaha.<br>• Bendahari.<br>• Ahli Jawatankuasa Biasa. | • Pengerusi.<br>• Setiausaha.<br>• 8 Ahli Biro. |

| Bil. | Perkara | RT | RA | JPP |
|---|---|---|---|---|
| 5. | **Pelantikan Ahli Jawatankuasa** | Penduduk mengemukakan cadangan Ahli Jawatankuasa RT kepada JPNIN. Selepas dipersetujui oleh JPNIN, ahli yang dilantik akan bermesyuarat bagi memilih Ahli Jawatankuasa Tertinggi untuk kelulusan JPNIN. | Ahli Jawatankuasa dipilih oleh penduduk melalui Mesyuarat Agong Tahunan. | • Pengerusi dilantik **dilantik oleh YBM KPKT** melalui pencalonan oleh PBT.<br>• Pengerusi melantik anggota JPP yang lain **setelah berunding dengan PBT dan Ahli Parlimen.** |
| 6. | **Tempoh Perkhidmatan** | Tiada had dalam tempoh perkhidmatan. | Tempoh had perkhidmatan adalah sehingga pada Mesyuarat Agong berikutnya. | Tempoh perkhidmatan adalah selama 2 tah |
| 7. | **Geran Tahunan** | Geran kepada RT yang layak sahaja daripada JPNIN. | Tiada Geran Tahunan disediakan. | Tiada Geran Tahunan disediakan. |
| 8. | **Elaun kepada Anggota** | Tiada elaun disediakan | Tiada elaun disediakan | • Elaun disediakan kepada Pengerusi d Setiausaha manakala anggota JPP lai akan menerima elaun kehadiran mesyuarat;<br>• Bayaran Rawatan di Hospital Kerajaa bagi Pengerusi dan Setiausaha JPP. |
| 9. | **Skop dan Tanggungjawab** | Tanggungjawab meliputi kawasan perumahan tertentu | Tanggungjawab meliputi kawasan perumahan tertentu | • Tanggungjawab merangkumi keseluruhan kawasan penempatan da sesebuah PBT;<br>• Setiap Zon di PBT boleh diwakili oleh RA, RT dan lain-lain pertubuhan yang mewakili penduduk di zon-zon terbabi |